

Hospital Pulau Pinang kini jadi rumah kedua Mohamad Saiful

Derita sakit buah pinggang sejak kecil



KEADAAN Mohd. Saiful yang menderita masalah buah pinggang ketika ditemui di Hospital Pulau Pinang semalam.



Hubungi:
019 3330 896
03 7455 6448

Oleh **ISWAN SHAFIQ ISA**

SEBERANG PERAI – Seorang remaja berusia 13 tahun yang menghidap sindrom nefrotik iaitu masalah buah pinggang sejak berumur empat tahun terpaksa menjadikan Hospital Pulau Pinang (HPP) sebagai rumah keduanya sejak April lalu untuk menjalani dialisis.

Biarpun sudah menerima sumbangan sebuah mesin dialisis daripada Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) bagi memudahkan rawatan tersebut

dilakukan di rumah, namun tidak dapat berbuat demikian.

Ini disebabkan keadaan rumah Mohamad Saiful Mukriz Mahhizan di Selama Perak yang tidak sempurna dan berhabuk serta terpaksa mengharapakan ihsan jiran untuk mendapatkan bekalan elektrik.

Kehidupannya anak sulung daripada tiga beradik itu tidak seperti remaja lain yang riang bermain dan bergaul mesra dengan rakan-rakan

Menurut ibunya, Iza Ramli, 38, berkata, dengan keadaan dirinya yang tidak bekerja dan suaminya, Mahhizan Yaacob, 52, yang tidak mempunyai pendapatan tetap, agak sukar untuk mereka menyediakan kemudahan termasuk elektrik.

Katanya, dia tidak menyangka sebaik kisah anak lelakinya itu ditularkan di laman sosial baru-baru ini, ada insan pemurah memberi sumbangan bagi membolehkan sebuah bilik khas dibi-

na di rumah mereka untuk kemudahan Mohamad Saiful.

"Alhamdulillah, bilik itu sudah siap, namun anak saya masih belum dapat keluar dari hospital.

"Mungkin pihak hospital mahu melihat keadaan bilik khas itu terlebih dahulu sama ada sesuai atau tidak untuk digunakan bagi rawatan dialisis," katanya kepada Kosmo! di sini, semalam.

Jelas Iza yang kini tidak lagi bekerja kerana perlu menjaga anak sulungnya itu, bantuan bulanan yang diterima daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sekurang-kurangnya mengurangkan bebanan yang dihadapi mereka sekeluarga.

"Kami reda dengan keadaan anak saya, mungkin ini ujian buat kami," ujarnya.

Orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan boleh berbuat demikian menerusi akaun **BSN 0899541100231405** atas nama Iza Ramli atau hubunginya di talian **019-328 0573**.